



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

---

## **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

**BILANGAN 8 TAHUN 2019**

---

### **PINDAAN KRITERIA PENGECUALIAN KREDIT DALAM KADEAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) BAGI PROGRAM PERINGKAT SARJANA MUDA PINDAAN 2019**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
13 Ogos 2019

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**13 OGOS 2019**

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 8 TAHUN 2019**

**PINDAAN KAEDEH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK)  
PERINGKAT SARJANA MUDA PINDAAN 2019**

**(PINDAAN KRITERIA PENGECAULIAN KREDIT)**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-181 Bilangan 8/2019 yang bersidang pada 13 Ogos 2019 telah bersetuju meluluskan pindaan kriteria pengecaulian kredit dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Peringkat Sarjana Muda Pindaan 2019.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) bertanggungjawab dalam memastikan peraturan yang digariskan dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Pindaan 2017 dipatuhi dan dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi Universiti.
- 2.2 Universiti telah menetapkan kriteria pengecaulian kredit dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Peringkat Sarjana Muda Pindaan 2017, Perkara 3.7.5 seperti berikut:

“3.7.5 Kriteria pengecaulian kredit adalah seperti berikut:-

- 3.7.5.1 Memperoleh sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus-kursus berkenaan.
  - 3.7.5.2 Kursus tidak melebihi tempoh lima (5) tahun.
  - 3.7.5.3 Jumlah maksimum tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit untuk sesuatu program yang diikuti.
  - 3.7.5.4 Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit perlu mempunyai kesetaraan kurikulum tidak kurang 80% dengan kursus yang ditawarkan. (*Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh MQA*).
  - 3.7.5.5 Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang mendapat Akreditasi/ Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.
  - 3.7.5.6 Pelajar boleh memohon pemindahan kredit melalui fakulti dalam tempoh empat (4) minggu selepas mendaftar sebagai pelajar Universiti.”
- 2.3 Mesyuarat Senat Kali Ke-177 Bil. 4/2019 bertarikh 16 April 2019 telah meluluskan penawaran kemasukan kepada seorang calon yang telah mempunyai Ijazah Pertama. Lanjutan itu, kriteria pengecualian kredit secara horizontal kepada pelajar yang telah mempunyai kelayakan perlu disemak dan disesuaikan dengan keluulan terkini Senat.

### **3.0 KEPUTUSAN SENAT**

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

3.1.1 pindaan kriteria pengecualian kredit dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Pindaan 2017, Perkara 3.7.5.3, “Jumlah maksimum tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit untuk sesuatu program yang diikuti” kepada **“tiada had untuk pengecualian kredit kepada pelajar yang telah mempunyai kelayakan”**.

#### 4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 13 Ogos 2019.

Sekian, terima kasih.

**“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SUHAILA SIDEK)**

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik

